



## **KENYATAAN AKHBAR**

**2 April 2019**

### **Minggu Saham Amanah Malaysia 2019 di Sungai Petani**

*Pelbagai hadiah menarik untuk dimenangi di acara tahunan literasi kewangan PNB*

**KUALA LUMPUR, 2 April 2019** – Seiring dengan objektif untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia, Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menganjurkan acara tahunannya, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) di Sungai Petani pada tahun ini dari 19 hingga 25 April 2019. PNB telah mengumumkan rakan korporat MSAM 2019 yang terdiri daripada syarikat-syarikat Strategiknya di majlis pembuka tirai di Menara PNB, Kuala Lumpur hari ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad berkata, “Pameran MSAM, yang dianjurkan dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah, akan menyediakan pelbagai platform dan aktiviti bagi pengunjung untuk menerokai serta memahami perjalanan pelaburan mereka. Terdapat juga pameran yang melibatkan semua syarikat Strategik PNB dan orang ramai boleh melihat sendiri keteguhan syarikat-syarikat di mana mereka melabur dalam unit-unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad seperti Amanah Saham Bumiputera serta Amanah Saham Malaysia.

Melalui usaha ini, kami juga berharap agar pemegang unit serta masyarakat secara keseluruhannya akan memperoleh kefahaman mengenai hubung kait antara risiko dan pulangan. Kami mengalu-alukan kehadiran warga Sungai Petani dan kawasan berhampiran ke MSAM 2019 yang akan datang,” tambah Dato' Abdul Rahman.

Dato' Abdul Rahman juga memperkenalkan logo baharu untuk MSAM, sempena tahun ke-20 penganjurannya sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat PNB. Logo baharu ini melambangkan kerjasama rapat antara kerajaan, pemegang unit, dan PNB serta syarikat-syarikat pelaburannya.

Rakan korporat bagi MSAM 2019 adalah Maybank Berhad, Sime Darby Plantation Berhad, S P Setia Berhad dan UMW Holdings Berhad dalam kategori Rakan Premier; Sime Darby Berhad, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd, MNRB Holdings Berhad, Takaful Ikhlas Berhad, MIDF Berhad, Sime Darby Property Berhad, Perodua dan Heitech Padu Berhad dalam kategori Rakan Utama; manakala Duopharma Biotech Berhad, Velesto Energy Berhad dan CCM Berhad dalam kategori Rakan.

Acara yang berlangsung selama seminggu ini akan dipenuhi dengan program dan aktiviti interaktif dan menarik yang bersesuaian dengan semua peringkat usia. Antara acara utama MSAM 2019 termasuk Cabaran Pengurusan Kewangan ASNB, Jejak Pelabur Bijak Maybank dan Jejak Pelabur Cilik S P Setia. Program-program ini selari dengan objektif PNB dalam mendidik segmen pasaran yang lebih muda tentang literasi kewangan serta menyemai kesedaran mengenai pentingnya merancang kewangan dari usia muda.

MSAM 2019 akan menawarkan pelbagai hadiah menarik untuk para pengunjung seperti sebuah Perodua Aruz, sebuah motosikal Honda Dash dan sebuah iPhone semasa majlis perasmian. Bagi mereka yang menyertai e-Peraduan pula berpeluang Hadiah utama bagi e-Peraduan pula adalah sebuah Ford Ranger 2.2L XLT, sebuah Toyota Vios 1.5G dan sebuah Yamaha R25, dan banyak lagi.

Pengunjung digalakkan memuat turun aplikasi PNB Events untuk membuat pendaftaran atas talian ke MSAM 2019, atau boleh juga mendaftar di khemah pameran. Masuk adalah percuma.

Acara tahunan MSAM, yang dianjurkan buat kali pertama pada tahun 2000 oleh PNB, telah berjaya menarik ribuan pengunjung setiap tahun, menjadikan jumlah pengunjung sebanyak 3.8 juta sehingga kini. MSAM pada tahun lepas diadakan di Batu Pahat, Johor dan menarik lebih 216, 800 pengunjung dari negeri tersebut dan kawasan berdekatan. Pameran pelaburan bersepadu ini telah diiktiraf sebagai "*The Longest Running Unit Trust Exhibition (2000-2014)*" oleh Malaysia Book of Records dan turut menerima anugerah "*Asia Responsible Entrepreneurship Awards 2015 (Social Empowerment Category)*" oleh Enterprise Asia.

-tamat-

**Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM298 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**